

'Struktur semula kilang'

Menteri Besar arah MPS, MPN, JKR ambil langkah perbetul perparitan supaya air dari kawasan industri tidak banjir Kampung Puchong

Oleh Hussain Said

SEREMBAN: Masalah penduduk Kampung Puchong, Jalan Kuala Sawah, dekat sini, yang sering dilanda banjir akan diatasi apabila kerajaan negeri mengarahkan kawasan kilang berdekatan yang menjadi antara punca kejadian itu distruktur semula, termasuk menaik taraf sistem perparitannya.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata sebanyak 29 kilang yang beroperasi di Jalan Kuala Sawah itu menjadi antara punca banjir di kampung berkenaan kerana pengusahanya tidak memberi tumpuan kepada aspek kebersihan yang menyebabkan parit tersumbat dan dipenuhi dengan sisa industri termasuk kayu, batu dan besi.

Katanya, kecuaiannya dan kegagalan pengusaha berkenaan juga menyebabkan jalan dan paip di kawasan berkenaan sering rosak hingga Jabatan Kerja Raya (JKR) terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk membaikinya.

Ini termasuk meminta JKR membuat jajaran longkang sepanjang kira-kira 243 meter manakala dua longkang seluas satu meter yang akan dapat

menampung dan melancarkan pengaliran air ke Sungai Linggi akan dibina segera," katanya.

Menteri Besar berkata demikian ketika ditemui selepas pertemuan selama kira-kira sejam dengan pengusaha kilang di kawasan berkenaan di sini, kelmarin.

Hadir sama Yang Dipertua MPS, Abdul Halim Abdul Latif dan Yang

“*Kedudukan kampung yang agak rendah menyebabkan air longkang melimpah ke kawasan kampung yang menyebabkan selalu berlaku banjir kilat”*

Mohamad Hasan
Menteri Besar Negeri Sembilan

Dipertua MPN, Datuk Noordin Mohd Yatib.

Mohamad berkata, apabila kerja menstruktur itu siap, semua pengusaha kilang berkenaan diarahkan membuat permohonan semula serta mendapatkan kelulusan untuk beroperasi termasuk menyerahkan pelan pembangunan kawasan masing-masing berikutan kebanyakan kilang di kawasan berkenaan beroperasi tidak sah di atas kawasan rezab pertanian.

Katanya, sekiranya pengusaha terbabit masih berdegil, kerajaan negeri tidak akan mengambil tindakan meroboh, sebaliknya akan mengambil tindakan mahkamah.

“Kita bagi mereka peluang untuk bekerjasama bagi memastikan masalah ini terutama banjir kilat di Kampung Puchong dapat diatasi segera, bukannya bertujuan menutup industri dan mata pencarian mereka.

“Kalau mereka beroperasi mengikut peraturan dan prosedur ditetapkan, banyak faedah yang diperoleh seperti kemudahan mengekspor barangan keluaran, permohonan pinjaman bank bagi membesarkan operasi serta perlindungan insurans,” katanya.



KECEWA: Mohamad (kanan) melihat sistem peparitan yang tidak tersusun menyebabkan masalah banjir di Kampung Puchong, Kuala Sawah, baru-baru ini.